



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.

(Company No. 902884-V)


(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)

(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro di Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa bakal Perunding ("Pembida") untuk mengambil bahagian di dalam RFP seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	KRITERIA MANDATORI	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)
<p>PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE</p> <p><i>REQUEST FOR PROPOSAL ("RFP") FOR THE APPOINTMENT OF SUPERVISING CONSULTANT SERVICES FOR THE NEW NOISE BARRIER STRUCTURE AND ASSOCIATED WORKS ALONG VIADUCT (CH 8621 TO CH 9221) ADJACENT TO KG. SUNGAI RAYA ("SERVICES")</i></p> <p>RFP NO.: KGL-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000001</p>	<p>Kesemua Pembida hendaklah memiliki:</p> <p>i. sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi Engineering Consultant Practice (ECP)(Kerja-kkerja Sipil dan Struktur); dan</p> <p>ii. sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF)</p>	<p>Tarikh : Khamis, 16 Oktober 2025</p> <p>Masa : 10:00 pagi</p> <p>Taklimat melalui : Google Meet (Pautan taklimat akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam pendaftaran atas talian)</p>	<p>Bagi menyertai taklimat RFP ini, Pembida yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu daripada pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; atau https://forms.gle/WeFQxUrsU88hCE5M9; atau Mengimbas Kod QR yang disediakan.  <p>Pendaftaran akan bermula pada hari Rabu, 1 Oktober 2025 sehingga hari Khamis, 16 Oktober 2025. Hanya Pembida yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat RFP. Kehadiran adalah WAJIB dan Pembida tidak dibenarkan untuk menyertai RFP sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat ini.</p> <p>Seramai dua (2) orang sahaja wakil daripada setiap Pembida dibenarkan menghadiri sesi taklimat RFP.</p> <p>Wakil-wakil daripada pihak Pembida yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengalaman di dalam bidang perundingan dan kontrak untuk perkhidmatan yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pengarah Urusan; atau Pengurus Projek; atau Pengurus Kontrak dan Komersial

- Dokumen RFP hanya akan diberikan melalui alamat e-mel yang telah didaftarkan kepada Pembida yang layak tanpa sebarang caj bayaran.
- Pembida wajib menyerahkan dokumen RFP yang telah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan di dalam dokumen RFP.
- Tarikh akhir serahan dokumen RFP adalah pada hari **Khamis, 30 Oktober 2025 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Pembida didapati lewat menyerahkan dokumen RFP tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat bermeteri yang ditandai dengan jelas tajuk dan nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan diserahkan di alamat berikut:

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.
Jabatan Perolehan (Kauunter Tender),
Tingkat 6, Menara I&P 1,
No. 46, Jalan Dungan, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

- Selain daripada syarat-syarat di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi kesemua **Kriteria Mandatori** di bawah:

KRITERIA TEKNIKAL (MANDATORI)

- Pembida telah menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek di sepanjang Landasan Keretapi atau Lebuhraya Bertingkat dengan nilai tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Seratus Lima Puluh Ribu (RM150,000.00) dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu sebagai "Supervising Consultant".

KRITERIA KEWANGAN (MANDATORI)

- Baki Bank secara purata selama tiga (3) bulan berturut-turut hendaklah positif.

Nota:

- Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Pembida tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pembida mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Pembida terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Pembida boleh melayari laman web www.mymrt.com.my untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.